

# Pengurusan Harta Pusaka Jangan Bertanggung

Oleh AZZAHARUDDIN MOHD NADZIR



**JUMLAH** nilai harta pusaka yang dianggarkan tertunggak saban tahun bukannya jutaan Ringgit, sebaliknya mencecah nilai bilion Ringgit. Laporan hasil anggaran yang dibuat oleh industri perancangan harta pusaka di Malaysia mentaksirkan bahawa nilai harta pusaka yang tertunggak sejak merdeka hingga kini sudah mencecah RM70 bilion, dengan majoritinya milik orang Islam di seluruh negara, gagal diwariskan kepada individu yang berhak. Jumlah yang sangat tinggi itu dikatakan akibat sebahagian besar umat Islam pada ketika ini tidak memahami isu perancangan dan

pengurusan perwarisan harta dengan baiknya sehingga membawa kepada perbalahan antara waris.

Sedangkan peraturan pembahagian harta pusaka sudah ditetapkan dalam al-Quran, hadis, dan ijmak' untuk menjamin keadilan. Soal harta pusaka, nisbah pembahagian, cara pengiraan dan hak yang tergantung atas pusaka telah pun dibincangkan oleh ulama silam untuk rujukan semua. Sistem faraid, wasiat, wisoyah, hibah, amanah, wakaf, harta sepencarian, dan banyak lagi instrumen muamalah adalah antara jalan penyelesaian yang disediakan dalam Islam.

Oleh itu, isu berbangkit yang melibatkan pengurusan harta pusaka dengan nilai berbilion Ringgit yang beku akibat tidak dapat dibangunkan, pertelingkahan waris, hutang tidak dibayar serta hukum faraid tidak terlaksana adalah berpunca daripada masalah umat Islam yang mengambil mudah terhadap perancangan dan pengurusan perwarisan dalam Islam, walaupun ilmu ini amat penting.

Umat Islam dituntut untuk menimba ilmu tentang ilmu faraid dan harta pusaka. Antara tujuannya termasuklah supaya umat Islam terhindar daripada makan harta yang tidak halal, di samping menghindarkan pelbagai masalah dalam soal pembahagian harta pusaka. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud, "Pelajarilah ilmu faraid, dan ajarkanlah ilmu tersebut kepada orang lain. Sesungguhnya ilmu ini adalah setengah daripada ilmu, dan ilmu ini merupakan ilmu yang dilupakan, dan merupakan suatu ilmu yang mula-mula akan dicabut daripada umatku."

Kajian yang diketengahkan oleh Ikbal Salam, isu harta pusaka di FELDA Lurah Bilut, Pahang, pada tahun 2002, menunjukkan bahawa daripada 616 orang peneroka, 322 orang meninggal dunia dan lebih daripada 160 orang belum lagi membuat permohonan pusaka. Daripada beberapa fakta kes ini, kita dapat melihat akibatnya dari aspek ekonomi, yakni kawasan harta tanah yang mencecah nilai jutaan ringgit melibatkan tanah pusaka yang tidak mempunyai kesefahaman dan permuafakatan antara waris dengan pemilik bersama yang ramai bagi lot tanah itu, tidak dapat dibangunkan. Jika demikian halnya, memiliki tanah pusaka tidak mendapat apa-apa keistimewaan dan faedah kepada pemilik. Oleh itu, permasalahan pusaka bukanlah masalah individu tetapi dapat menjadi permasalahan ekonomi dan sosial umat Islam.

Antara sebab banyak umat Islam tidak mengendahkan kepentingan perancangan dan pengurusan harta warisan juga adalah kerana mereka yang beranggapan bahawa selepas mati, waris boleh mengikut pengagihan harta secara automatik kepada waris melalui sistem faraid. Mereka tidak mengetahui bahawa

kebanyakan kes pertelingkahan antara waris menjadi semakin rumit apabila melibatkan soal dokumentasi harta pusaka, selain faktor proses panjang yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil atau Pejabat Pusaka Kecil.

Wasiat disebut dalam al-Quran sebanyak 25 kali. Berdasarkan kata dasar *wassa* yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan, menghubungkan atau menyampaikan, merupakan pemberian harta selepas mati. Antara ayat penting yang dirujuk dalam isu wasiat disebutkan dalam *Surah al-Baqarah* ayat 180, yang bermaksud, "Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah dia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertakwa."

Berdasarkan ayat ini, ahli tafsir berbeza pandangan tentang kewajiban berwasiat. Pandangan majoriti beranggapan bahawa kewajiban itu wujud ketika pada peringkat permulaan Islam, namun hukum berkenaan telah dinasakhkan oleh ayat berkenaan sistem faraid (*al-mawarith*) dalam *Surah al-Nisa'* ayat 11, 12 dan 176. Walau bagaimanapun, ada juga ahli tafsir terkenal, seperti Imam al-Jassas dalam kitabnya *Ahkamul Quran*, yang berpandangan bahawa kewajiban berwasiat tidak mansuh, tetapi merujuk kewajiban memberikan wasiat kepada ahli keluarga yang tidak mendapat warisan. Atas sebab itu juga, Imam Ibn Hazm berpendapat bahawa wasiat itu wajib dalam keadaan tertentu. Pandangan ini juga diutarakan oleh para tabi'in dan imam mujtahid yang lain, seperti Ibn Musayyab, Hasan al-Basri, Ibn Jarir, dan Imam Ahmad bin Hanbal.

Galakan merancang dan mengurus harta dengan baiknya menggunakan instrumen muamalah seperti wasiat disebutkan bukan sahaja dalam al-Quran, bahkan disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW, antaranya

Harta hibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi hibah.

Pengurusan Harta Pusaka  
JANGAN BOLEH  
AZZANARUDDIN

termasuklah dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, "Tiada hak (patut) bagi seorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan dibiarkan hingga dua malam melainkan wasiatnya itu tertulis di sisinya."

Eneknmen Wasiat Orang Islam pada peringkat negeri, seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, mentakrifkan wasiat sebagai ikrar seseorang yang dilakukan pada masa hayatnya bagi hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu untuk maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan oleh hukum syarak, selepas dia mati.

Namun begitu, dari perspektif yang lain, wasiat mempunyai kekangan tertentu bagi umat Islam untuk melaksanakan hasrat pembahagian harta kecuali kepada bukan waris pada takat maksimum satu pertiga. Maka industri perancangan harta pusaka di negara ini juga menggunakan instrumen hibah (hadiah) sebagai salah satu instrumen perancangan harta. Ada juga agensi pengurusan yang mengembangkan ruang lingkup hibah dengan menggabungkan konsep hibah dan amanah.

Perkhidmatan ini merujuk pemberian harta oleh seseorang atas dasar kasih sayang yang berlaku ijab dan kabul pada masa hayat pemberi hibah. Harta hibah tersebut akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserahkan milik kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak yang berkenaan.

Hibah melalui pemegang amanah atau surat ikatan amanah ini dijangkakan dapat mempercepat pembahagian harta kerana tidak tertakluk pada hukum faraid.

Oleh sebab perancangan dan pengurusan harta ini penting untuk dilakukan ketika masih hidup, kesedaran masyarakat awam tentang ilmu perwarisan harta ini perlu ditingkatkan untuk memastikan harta yang diperoleh diurus dengan efektif dan jumlah yang secukupnya ditinggalkan untuk waris selepas meninggal dunia. Oleh itu, wasiat atau hibah ialah dua

instrumen yang dapat digunakan dalam perancangan perwarisan harta.

Pemilihan instrumen atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pentadbir harta pusaka yang memberikan khidmat adalah bergantung pada keadaan dan harta waris. Maka demi merangka perancangan perwarisan yang terbaik, pelantikan pentadbir atau wasi semasa hidup sebelum harta pusaka boleh dibahagi-bahagikan apabila tiba masanya perlu diambil kira. Pada masa yang sama, hal ini dapat mengelakkan risiko harta pusaka yang berhak atas waris dibekukan untuk tempoh waktu yang lama. Peranan wasi sebagai pelaksana bagi keseluruhan perancangan mampu membantu kita merancang pembahagian dan mempercepat proses penyelesaian pembahagian harta pusaka.

Berdasarkan semua saranan dan galakan dalam al-Quran dan hadis, serta instrumen yang dijelaskan ini, setiap umat Islam perlu memberikan perhatian penting bahawa harta yang diperoleh ketika hidup itu mestilah diurus dengan berhemah. Harta pusaka yang ditadbirkan secara profesional dan diagihkan secepat mungkin mampu membantu ahli keluarga atau waris meneruskan hidup. Ingatlah pesan Nabi Muhammad SAW dalam hadis sahih riwayat al-Bukhari berkenaan wasiat, "Sesungguhnya jika engkau meninggalkan warismu kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta dari tangan manusia".

Sebagai kesimpulannya, pembahagian harta pusaka bertujuan untuk memberikan hak kepada yang berhak dan untuk membantu waris yang ditinggalkan. Hukum syarak telah menetapkan bahawa apabila seseorang itu meninggal dunia, hartanya akan dibahagikan mengikut pembahagian faraid. Banyak faedah yang dapat diperoleh daripada mempelajari ilmu faraid, sekali gus dapat menyelesaikan fardu kifayah dalam masyarakat, menghindarkan umat Islam daripada memakan harta secara batil. Di samping itu, pembahagian secara adil kepada waris yang hak mampu menghindarkan umat Islam daripada merampas atau memiliki tanah atau harta kepunyaan orang lain, khususnya saudara sendiri. •

**Pembahagian harta pusaka bertujuan untuk memberikan hak kepada yang berhak dan untuk membantu waris yang ditinggalkan.**